



## SIARAN MEDIA

## Kumpulan Syarikat LTAT Bersatu Menyalurkan Bantuan Banjir Dengan Kadar Segera

**KUALA LUMPUR, 3 DISEMBER 2024** – Kumpulan Syarikat Lembaga Tabung Angkatan Tentera ("LTAT") melaksanakan inisiatif bantuan banjir secara menyeluruh bernilai RM782,800.00 bagi menyokong komuniti yang terjejas di seluruh Malaysia.

Dengan kerjasama GLIC/GLC Demi Rakyat & Negara ("GDRN") yang diterajui Kerajaan, Kumpulan Syarikat LTAT – termasuk Pharmaniaga Berhad, Boustead Holdings Berhad ("BHB"), Boustead Plantations ("BPlant"), Boustead Petroleum Marketing Sdn. Bhd. ("BHPetrol"), Boustead Heavy Industries Corporation Berhad ("BHIC"), Boustead Properties Berhad ("BProp"), dan Affin Group Berhad ("AFFIN") – telah menyediakan bantuan segera keperluan asas kepada mangsa yang terjejas melalui sinergi bersama Kementerian Pertahanan, Angkatan Tentera Malaysia ("ATM"), Jabatan Kebajikan Masyarakat ("JKM"), serta pelbagai organisasi bukan kerajaan ("NGO").

Antara inisiatif bantuan banjir bersasar di pelbagai negeri adalah:

- **Pharmaniaga** mengedarkan lebih daripada 24,000 pak ubat-ubatan penting, termasuk vitamin dan suplemen, bagi menyokong usaha bantuan pemulihan di Terengganu dan Kelantan.
- **Boustead Plantations** menyumbang sebanyak RM50,000.00 kepada NGO yang membantu komuniti terjejas banjir di kawasan Kelantan, Kedah, Terengganu, dan Pahang.
- **Boustead Holdings Berhad**, bersama **Boustead Properties** dan **BHIC**, menyokong NGO di Kelantan dengan sumbangan sebanyak RM27,500.00.
- **BHPetrol** membekalkan 400 pak barang keperluan asas ke pusat pemindahan melalui Kementerian Pertahanan dan ATM di Kelantan.
- **AFFIN** menawarkan *Natural Disaster Relief Programme* ("NDRP") untuk membantu pelanggan yang terjejas dengan banjir melalui bantuan kewangan untuk pelbagai pinjaman dan produk kewangan, termasuk permohonan moratorium sehingga enam bulan, tertakluk kepada terma dan syarat.

Inisiatif ini juga mengetengahkan komitmen LTAT dan Yayasan LTAT terhadap usaha pemulihan pasca-banjir, termasuk menyediakan sokongan sukarelawan kepada veteran di kawasan terjejas.

En. Mohammad Ashraf Md. Radzi, Ketua Eksekutif LTAT, menyatakan bahawa “Dalam menghadapi cabaran berterusan banjir di hujung tahun, LTAT kekal proaktif dalam usaha kami untuk bekerjasama dengan rakan strategik bagi memastikan bantuan dapat disalurkan kepada rakyat Malaysia yang terjejas. Fokus utama kami adalah memberikan sokongan segera kepada keluarga, khususnya anggota ATM dan veteran, yang memainkan peranan penting dalam respons bencana. Kami berharap usaha ini dapat memberikan kemudahan serta bantuan yang diperlukan semasa mereka menghadapi cabaran musim hujan.”

“Kami juga bersimpati terhadap semua mangsa yang terjejas akibat banjir dan berdiri teguh bersama mereka yang kini dalam usaha untuk membina semula kehidupan mereka. Kami turut menghargai pengorbanan dan dedikasi tidak berbelah bahagi barisan hadapan, sukarelawan, serta pasukan sokongan – khususnya anggota ATM – yang memberikan impak besar kepada kehidupan mereka yang memerlukan,” tambah beliau.

Usaha sinergi ini menyerlahkan komitmen teguh LTAT dan Kumpulan Syarikatnya dalam menyokong komuniti yang terjejas akibat banjir, memastikan bantuan segera dan pemulihan jangka panjang dapat dilaksanakan.

**-TAMAT-**

#### **Tentang LTAT**

Ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (juga dikenali sebagai Akta 101), LTAT merupakan sebuah institusi badan berkanun yang menyediakan kemudahan Skim Simpanan Persaraan kepada para Pegawai dan anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta pesara tentera. Terbaru, Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 telah diumumkan pindaannya pada 1 November 2022.

#### **PERHUBUNGAN MEDIA**

**Izzat Alhadjri**

**Pengarah,**

**Ketua Komunikasi Strategik**

E-mel : izzat.alhadjri@ltat.gov.my

No. Tel : +603- 4815 8888

Laman web : [www.ltat.gov.my](http://www.ltat.gov.my)